

**Hebahan Media**  
**21 Mac 2023**

## **EKUINAS LANCAR DANA ASAS RM100 JUTA, SASAR SYARIKAT BUMIPUTERA PASARAN PERTENGAHAN BERPERTUMBUHAN TINGGI**

### **Sorotan utama: -**

- Ekuinas komited dalam membantu usahawan Bumiputera dengan tumpuan kepada syarikat Bumiputera pasaran pertengahan berpertumbuhan tinggi dalam portfolio syarikat penerima pelaburannya.
- Dana RM100 juta menzahirkan komitmen berterusan Ekuinas dalam merangsang pertumbuhan syarikat Malaysia dengan mempertingkatkan ekuiti dan penyertaan Bumiputera.
- Melibatkan dana antara RM10 juta hingga RM30 juta bagi setiap pelaburan.

**KUALA LUMPUR, 21 MAC 2023:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti swasta (PE) milik kerajaan, melancarkan dana baharu yang dikenali sebagai DANA ASAS dengan komitmen modal sebanyak RM100 juta untuk merangsang pertumbuhan syarikat berskala sederhana Bumiputera yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi. Dana ini telah dirasmikan oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi Malaysia, petang tadi.

YB Rafizi Ramli berkata, "Pelancaran *DANA ASAS* oleh Ekuinas, dengan komitmen modal sebanyak RM100 juta, adalah dorongan tepat pada masanya dalam usaha pentadbiran kami beralih kepada model pertumbuhan yang diterajui inovasi, bergantung kepada keupayaan dalam mengenal pasti syarikat pertumbuhan tinggi. Syarikat-syarikat Bumiputera pasaran pertengahan yang akan dipilih oleh Ekuinas telah membuktikan daya maju dari segi komersial dan kecemerlangan operasinya. Suntikan strategik modal, kepakaran, dan rangkaian kepada syarikat-syarikat ini akan merangsang kejayaan mereka. Apabila lebih ramai usahawan menempa nama pada skala nasional, serantau dan global, rakyat Malaysia yang lebih kreatif dan berani akan berusaha untuk mencipta sesuatu yang berdaya maju secara komersial dan bernilai sosial."

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Ekuinas berkata, "Sejak penubuhannya, Ekuinas telah mematuhi mandatnya untuk menggalakkan penyertaan

ekonomi Bumiputera yang saksama melalui model perniagaan Ekuiti Swasta (PE). Dana sebelum dan semasa kami memberi tumpuan kepada syarikat bersaiz sederhana hingga besar. Pelancaran *DANA ASAS* menzahirkan komitmen berterusan kami dalam menyokong usahawan Bumiputera kerana dana ini memberi tumpuan kepada mendorong syarikat pertengahan yang berkebolehan dan berpotensi tinggi, mengambil kepentingan minoriti dan menyediakan modal pertumbuhan untuk membawa perniagaan mereka ke peringkat seterusnya. Langkah ini tepat pada masanya dalam menyokong kemajuan perniagaan Bumiputera yang berpotensi tinggi pasca pandemik."

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas yang menjelaskan butiran dana itu berkongsi bahawa, "Jumlah pelaburan adalah antara RM10 juta hingga RM30 juta bagi setiap pelaburan. Seperti yang kami lakukan pada semua pelaburan kami sebelum ini, kami mengemudi pertumbuhan mampan serta memberikan perancangan bagi penciptaan nilai yang agresif. Kami juga akan memberi tumpuan kepada mengukuhkan asas perniagaan dan pembangunan kapasiti, membolehkan mereka bersaing dengan berkesan dalam sektor dan industri yang mereka beroperasi."

*DANA ASAS* sejajar dengan mandat Ekuinas untuk meningkatkan ekuiti dan penyertaan Bumiputera. Ekuinas akan membantu syarikat memanfaatkan peluang, mengembangkan, meningkatkan skala dan bersaing sebagai syarikat terkemuka generasi akan datang. Dana ini terbuka kepada semua sektor kecuali pembinaan, hartanah, perjudian dan minuman keras.

"Memandangkan syarikat yang akan terlibat biasanya adalah syarikat yang lebih kecil, kami merancang untuk membuat pelaburan antara 5 hingga 7 tahun. Ia akan menjadi transformasi yang padu untuk syarikat yang menerima pelaburan kami," tambah Syed Yasir Arafat.

Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd, pemilik Kaisar Farmasi, telah dinamakan sebagai syarikat pertama yang akan menerima pelaburan di bawah *DANA ASAS*. Eagle Cliffe yang memulakan operasinya sejak 2013 kini mempunyai rangkaian 19 buah cawangan Kaisar Farmasi di Lembah Klang dengan pelan hala tuju untuk berkembang kepada 100 cawangan di seluruh Malaysia sepanjang tempoh pelaburan Ekuinas. Pelaburan baharu ini menjadikan portfolio syarikat Ekuinas kepada 11, merangkumi sektor minyak & gas, pendidikan, F&B, farmaseutikal dan penjagaan kesihatan, teknologi, pembuatan dan peruncitan.

-Tamat-

### **Mengenai Ekuiti Nasional Berhad**

EkuiNAS (Ekuiti Nasional Berhad) merupakan syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang bertujuan untuk membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan mampan. Objektif utama Syarikat adalah untuk menyampaikan nilai kewangan berdasarkan pelaburannya bagi memastikan objektif sosial dapat dicapai secara lestari.

Setakat ini, EkuiNAS telah melabur dalam 24 syarikat melalui pelaburan langsung dan dalam 18 lagi syarikat melalui pengurus dana luarnya. Syarikat-syarikat ini merupakan syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras EkuiNAS iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. EkuiNAS telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik oleh Private Equity International (PEI) Awards bagi tahun 2018 dan 2019.

### **Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

Affirah Naquiyah  
Weber Shandwick  
M: +6012 6725 882  
E: [affirah.naquiyah@webershandwick.my](mailto:affirah.naquiyah@webershandwick.my)

Amira Amrang  
Weber Shandwick  
M: +6017 2883 711  
E: [amira.amrang@webershandwick.my](mailto:amira.amrang@webershandwick.my)